



Ruj. Kami : KDN.KK.S.700-1/3/3

Tarikh : 21 Disember 2018

Pengarah

Syarikat Agensi Persendirian Yang Berdaftar di bawah Akta Agensi Persendirian 1971

Tuan,

PINDAAN KEPADA PEKELILING AGENSI PERSENDIRIAN BILANGAN 1 TAHUN 2017 BERHUBUNG GARIS PANDUAN PERMOHONAN DAN PENGENDALIAN SENJATA API OLEH SYARIKAT AGENSI PERSENDIRIAN / KAWALAN KESELAMATAN YANG BERLESEN DI BAWAH AKTA 1971

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagai makluman, Kementerian Dalam Negeri telah membuat pindaan kepada Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 1 Tahun 2017 Berhubung Garis Panduan Permohonan Dan Pengendalian Senjata Api Oleh Syarikat Agensi Persendirian / Kawalan Keselamatan Yang Berlesen Di Bawah Akta 1971 yang telah dikeluarkan sebelum ini pada 10 Ogos 2017.

3. Dengan merujuk kepada pekeliling yang terbaru ini, pindaan yang telah dibuat adalah ke atas perkara di **perenggan 7.1.11, 14.1.15 dan 14.1.16**. Pekeliling yang telah dipinda ini akan dikenali sebagai **Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 1 Tahun 2017 Berhubung Garis Panduan Permohonan Dan Pengendalian Senjata Api Oleh Syarikat Agensi Persendirian / Kawalan Keselamatan Yang Berlesen Di Bawah Akta 1971 (Pindaan 2018)** dan mula berkuatkuasa pada 20 Disember 2018.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(MUHAMAD GHAZALI BIN MAMAT @ MANSOR)

Bahagian Keselamatan

b.p: Ketua Setiausaha

Kementerian Dalam Negeri

s.k:

YBhg. Dato' Seri KSU

YBhg. Dato' Sri TKSU (Keselamatan)

SUB (K)

Salinan luar:


Ketua Polis Negara
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman
50560 Kuala Lumpur
(u.p : **YDH SAC Datin Norsiah bt Mohd Saaduddin**
Ketua Lesen Pasukan
Urusetia KPN Lesen Senjata Api)

No. Faks: 03-22725613

Presiden

Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM)
Unit 715 & 716, Blok A, Tingkat 7,
Kelana Business Centre,
Jalan SS 7/2, Kelana Jaya,
47301, Petaling Jaya,
Selangor.

No Faks : 03-7803 8691 / 7886 7246



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Semua Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan

PEKELILING AGENSI PERSENDIRIAN BILANGAN 1 TAHUN 2017 BERHUBUNG GARIS PANDUAN PERMOHONAN DAN PENGENDALIAN SENJATA API OLEH SYARIKAT AGENSI PERSENDIRIAN / SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN YANG BERLESEN DI BAWAH AKTA AGENSI PERSENDIRIAN 1971 (PINDAAN 2018)

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan berhubung garis panduan bagi permohonan dan pengendalian senjata api oleh syarikat yang berlesen di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 dan Akta Senjata 1960.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah melaksanakan inisiatif bagi mengkaji semula Peraturan Tetap Operasi (PTO) No. 1 Tahun 2010 bagi meningkatkan lagi tadbir urus Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan berhubung aspek permohonan dan pengendalian senjata api oleh syarikat-syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan yang berlesen di bawah Akta Agensi Persendirian 1971.
3. Kajian semula ini dilaksanakan berdasarkan kepada peredaran masa dan ancaman keselamatan masa kini yang melibatkan penggunaan senjata api terutamanya oleh Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan. Selain itu juga, penyalahgunaan senjata api milik Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan bagi tujuan yang menjurus kepada keganasan, aktiviti gangsterisme atau aktiviti lain yang boleh mendatangkan ancaman dan kemudaratan kepada ketenteraman awam perlu dibendung daripada terus berlaku.
4. Langkah-langkah yang sewajarnya seperti menambahbaik peraturan berhubung permohonan dan pengendalian senjata api oleh Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan adalah perlu bagi menjamin keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara.

TAKRIF PELESENAN SENJATA API DI BAWAH AKTA SENJATA 1960

5. Setiap Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan hendaklah mempunyai:
 - 5.1 Lesen senjata api yang diluluskan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) kepada syarikat;
 - 5.2 Permit (*Carry & Use*) yang diluluskan oleh PDRM perlu dimiliki oleh pengawal bersenjata ketika menjalankan tugas berkenaan; dan
 - 5.3 Lesen dan permit (*Carry & Use*) hendaklah diperbaharui setiap tahun mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

KRITERIA PERMOHONAN

6. Kriteria-kriteria bagi permohonan pelesenan senjata api dari Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan adalah:
 - 6.1 Permohonan lesen dari syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan; dan
 - 6.2 Permohonan mendapatkan permit (*Carry & Use*) bagi pengawal keselamatan.
7. Syarat – syarat kelayakan bagi setiap permohonan adalah seperti berikut:
 - 7.1 Permohonan dari Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan bagi pemegang lesen:-
 - 7.1.1 Hendaklah Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan yang telah mendapat Lesen Agensi Persendirian dari KDN dan telah **beroperasi tidak kurang dari tiga (3) tahun**;
 - 7.1.2 Pemohon atau pemegang lesen hendaklah seorang warganegara Malaysia dan **berumur tidak melebihi 70 tahun (permohonan baru)**;
 - 7.1.3 Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan hendaklah mempunyai rekod operasi yang bersih dan lesen Agensi Persendirian diperbaharui setiap tahun secara konsisten dengan KDN;
 - 7.1.4 Pemohon lesen hendaklah lulus tapisan keselamatan oleh PDRM dan hadir pemeriksaan fizikal dan temuduga oleh Ketua Polis Daerah;

- 7.1.5 Pemegang lesen hendaklah lulus latihan ujian menembak yang diperakui oleh PDRM bagi tujuan pembaharuan lesen (*renewal*);
- 7.1.6 Penyata kewangan syarikat tiga (3) bulan terkini minima RM300,000.00 yang disahkan oleh pihak bank;
- 7.1.7 Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan hendaklah mempunyai jumlah pekerja tidak kurang dari 30 orang pengawal tempatan dan disokong dengan dokumen caruman KWSP / PERKESO / PSMB;
- 7.1.8 Pemohon hendaklah sihat tubuh badan, tidak cacat anggota badan dan disahkan oleh Pegawai Perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan (termasuk pembaharuan lesen);
- 7.1.9 Pelan bilik kebal hendaklah dikemukakan semasa permohonan baru dan penubuhan cawangan;
- 7.1.10 Permohonan hendaklah dibuat di mana syarikat didaftarkan (di mana pejabat beroperasi);
- 7.1.11 Hendaklah mempunyai modal berbayar tidak kurang dari RM600,000.00;
- 7.1.12 Surat tawaran / tender daripada pelanggan sekiranya ada; dan
- 7.1.13 Syarikat hendaklah **mewujudkan Pemegang Lesen di setiap negeri** serta mempunyai pejabat cawangan yang telah diluluskan oleh KDN bagi tujuan kawalan dan pemantauan.
- 7.1.14 Setiap pemegang lesen syarikat hanya dibenarkan memegang tidak lebih dari **3 lesen** senjata api syarikat pada satu-satu masa.
- 7.1.15 Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan **tidak boleh memberikan perkhidmatan bagi tujuan melindungi aktiviti yang tidak sihat dan boleh membawa kemudaratan kepada keselamatan negara dan ketenteraman awam;**
- 7.1.16 **Pengarah, pemegang saham, pegawai, pengawal dan kakitangan Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan tidak dibenarkan membawa senjata api melainkan untuk tujuan melaksanakan tugas kawalan keselamatan sahaja.**

7.2 Permohonan mendapatkan permit (Carry & Use) bagi pengawal keselamatan

- 7.2.1 Pemohon hendaklah seorang warganegara Malaysia dan telah membuat semakan ketulenan kad pengenalan secara biometrik dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN);
- 7.2.2 Pengawal keselamatan bersenjata lelaki berumur tidak kurang dari 21 tahun dan tidak melebihi 60 tahun (permohonan baru bagi pengawal keselamatan);
- 7.2.3 Pengawal keselamatan bersenjata wanita berumur tidak kurang dari 21 tahun dan tidak melebihi 55 tahun (permohonan baru bagi pengawal keselamatan);
- 7.2.4 Tempoh bekerja tidak kurang dari tiga (3) bulan dan telah menjalani kursus "Certified Security Guards" (CSG);
- 7.2.5 Pemohon hendaklah lulus tapisan keselamatan oleh PDRM;
- 7.2.6 Pemohon hendaklah sihat tubuh badan dan tidak cacat anggota serta kesihatan disahkan oleh Pegawai Perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan;
- 7.2.7 Hadir pemeriksaan fizikal oleh Ketua Polis Daerah;
- 7.2.8 Lulus ujian saringan air kencing (*urine test*) oleh pegawai perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan;
- 7.2.9 Permit (*Carry&Use*) hendaklah dimohon di mana Pemegang Lesen didaftarkan.

7.3 Permohonan mendapatkan permit (Carry & Use) bagi pengawal peribadi

- 7.3.1 Pemohon hendaklah seorang warganegara Malaysia dan telah membuat semakan ketulenan kad pengenalan secara biometrik dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN);
- 7.3.2 Umur tidak kurang dari 25 tahun (permohonan baru bagi pengawal peribadi)
- 7.3.3 Tempoh bekerja tidak kurang dari enam (6) bulan dan telah menjalani kursus "Certified Security Guards" (CSG) dan kursus pengawal keselamatan peribadi anjuran Kementerian Dalam Negeri (KDN);

- 7.3.4 Pemohon hendaklah lulus tapisan keselamatan oleh PDRM;
- 7.3.5 Pemohon hendaklah sihat tubuh badan dan tidak cacat anggota dan disahkan oleh Pegawai Perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan;
- 7.3.6 **Pemohon hendaklah mengemukakan 2 orang rujukan (referee) yang mengenali pemohon sekurang-kurangnya selama 3 tahun dan hadir bersama semasa temuduga dan pemeriksaan fizikal oleh Ketua Polis Daerah;**
- 7.3.7 Lulus ujian saringan air kencing (*urine test*) oleh pegawai perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan;
- 7.3.8 Permit (*Carry&Use*) hendaklah dimohon di mana Pemegang Lesen didaftarkan.

7.4 Permohonan Pembaharuan Lesen dan Permit (*Carry&Use*)

- 7.4.1 Pemegang lesen hendaklah berumur tidak melebihi 75 tahun dan lulus latihan ujian menembak;
- 7.4.2 Pemegang permit hendaklah berumur tidak melebihi 60 tahun dan lulus latihan ujian menembak;
- 7.4.3 Lulus pemeriksaan kesihatan dan ujian saringan air kencing (*urine test*) dan disahkan oleh pegawai perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan. Saringan air kencing juga boleh dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD); dan
- 7.4.4 **Pengawal keselamatan telah menjalani kursus “*Certified Security Guards*” (CSG).**

8. Syarat-syarat penggunaan senjata api oleh syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan dan pengawal keselamatan adalah seperti berikut:

- 8.1 menggunakan senjata api milik syarikat untuk tujuan menjaga keselamatan diri dan harta benda pelanggan syarikat ketika melaksanakan tugas kawalan keselamatan;
- 8.2 tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada pengawal keselamatan bersenjata adalah seperti berikut:
 - 8.2.1 pengawalan setempat (*static guarding*) seperti di bank, kedai emas, pejabat, rumah persendirian dan lain-lain institusi yang memerlukan pengawalan bersenjata (**penggunaan pistol tidak dibenarkan**);

- 8.2.2 pengiring (*escorting*) seperti *Cash In Transit (CIT)* atau mengiring kenderaan yang membawa barangan yang berharga seperti barang kemas, barang-barang terkawal atau *Cash Valuable in Transit (CVIT)*;
- 8.2.3 rondaan bersenjata;
- 8.2.4 pengawal peribadi; dan
- 8.2.5 kawalan keselamatan maritim;
- 8.3 Penggunaan senjata api oleh pengawal keselamatan yang tidak mempunyai permit tidak dibenarkan sama sekali dan merupakan kesalahan di bawah Akta Senjata Api 1960;
- 8.4 Penggunaan senjata api milik persendirian dan RELA untuk tujuan kawalan keselamatan tidak dibenarkan sama sekali. *[sekiranya syarikat perlu untuk menggunakan senjata api milik persendirian untuk tujuan kawalan syarikat, syarat kegunaan senjata api perlu ditambah dan mendapat kelulusan daripada PDRM sebelum menggunakannya serta memenuhi syarat-syarat perlantikan sebagai pengawal keselamatan atau mana-mana yang berkaitan];*
- 8.5 Pengawal keselamatan hendaklah **sentiasa membawa buku permit (Carry & Use) atau kad senjata semasa membawa dan menggunakan senjata api;**
- 8.6 Senjata api milik syarikat **tidak boleh disewa, diberi pinjam, digunajama atau digunakan bagi melaksanakan tugas sub-kontrak;**
- 8.7 Senjata api **tidak boleh digunakan untuk memberi perkhidmatan bagi tujuan melindungi aktiviti atau perniagaan yang menyalahi undang-undang dan boleh membawa kemudaratan kepada keselamatan negara dan ketenteraman awam;**

LATIHAN KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN BERSENJATA

9. Setiap pengawal keselamatan yang akan menggunakan senjata api mestilah telah mendapat latihan asas pengendalian senjata api dan kursus asas undang-undang berkaitan senjata api dari mana-mana institusi yang diiktiraf oleh KDN.
10. Latihan menembak hendaklah diadakan dari semasa ke semasa, sekurang-kurangnya sekali setahun.
11. Setiap pengawal keselamatan adalah diwajibkan mengikuti latihan asas sebagai pengawal keselamatan yang terbahagi kepada beberapa modul sebagaimana berikut:

Modul 1: Pengenalan Senjata Api	<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan kepada Senjata Api dan Jenis- jenisnya. • Pengenalan kepada Komponen Senjata Api • Fungsi –fungsi Senjata Api.
------------------------------------	---

	<ul style="list-style-type: none"> • Soalan kaji selidik berkaitan senjata api, penugasan dan lain-lain.
Modul 2: Perundangan Berkaitan Senjata Api	<ul style="list-style-type: none"> • Undang-undang yang berkaitan penggunaan senjata api. • Akta Senjata Api 1960, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, Kanun Keseksaan, Akta Agensi Persendirian 1971.
Modul 3: Pengendalian Senjata Api	<ul style="list-style-type: none"> • Penyimpanan dan Peraturan semasa membawa dan mengguna Senjata Api.
Modul 4: Penyelenggaraan Senjata Api	<ul style="list-style-type: none"> • Tatacara Penjagaan, Penyelenggaraan, Rombak Pasang Senjata Api.
Modul 5: Latihan Tembak	<ul style="list-style-type: none"> • Latihan Tembak bagi jenis senjata api yang diluluskan mengikut permit (Carry&Use). • Penggunaan 10 butir peluru (minimum) bagi setiap pengawal mengikut jenis ukur laras senjata api di dalam lesen dan permit (Carry&Use). • Sijil akan dikeluarkan oleh pegawai persenjataan yang berkenaan.

LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN DALAM PENGENDALIAN SENJATA API.

12. Pengeluaran Senjata Api dan Peluru

12.1 Setiap pengeluaran senjata api daripada bilik kebal senjata adalah tertakluk kepada peraturan berikut:

- 12.1.1 Pengeluaran senjata api atau peluru hanya boleh dibuat oleh penjaga bilik kebal senjata api yang dilantik oleh syarikat dan memiliki lesen atau permit (*Carry&Use*) keseluruhan senjata api;
- 12.1.2 Senjata api hanya boleh dibekalkan untuk kegunaan tugas rasmi sahaja dan hendaklah dikembalikan semula setiap kali setelah selesai tugas. Senjata api tidak dibenarkan dibawa balik ke rumah atau untuk kegunaan peribadi;
- 12.1.3 Hanya dibenarkan membawa sepucuk atau selaras senjata api pada satu masa sahaja;
- 12.1.4 Tidak membenarkan senjata api dikeluarkan lebih awal dari masa yang dibenarkan untuk bertugas;

- 12.1.5 menandatangani buku daftar keluar/masuk senjata api dengan mengisi tarikh dan waktu yang tepat dan lain-lain butir yang diperlukan;
- 12.1.6 Membekalkan jumlah peluru mengikut bilangan yang telah ditetapkan dan jumlah peluru yang diambil hendaklah direkodkan serta ditandatangani di dalam buku pengeluaran peluru;
- 12.1.7 Memulangkan senjata api dan peluru sejeurus selesai bertugas dan penjaga bilik kebal senjata api hendaklah memeriksa senjata semasa dipulangkan berada dalam keadaan selamat dan baik serta peluru yang dipulangkan cukup seperti yang tercatat di dalam buku daftar keluar/masuk senjata api dan peluru;
- 12.1.8 Tidak membenarkan senjata api atau peluru dikeluarkan kepada pengawal keselamatan yang tidak mempunyai permit (*Carry&Use*);
- 12.1.9 Mengeluarkan senjata api kepada pengawal keselamatan mengikut nombor siri yang tercatat di dalam permit (*Carry&Use*) sahaja. Pengawal keselamatan tidak dibenarkan membawa atau menggunakan lain-lain senjata api kecuali senjata api yang tercatat di dalam permit (*Carry&Use*).
- 12.1.10 Pengawal keselamatan hendaklah menentukan senjata api di dalam keadaan selamat dan baik serta tiada peluru di dalam *chamber* semasa mengeluarkan senjata api dari bilik kebal senjata api. Pengawal hendaklah menyelamatkan senjata api semasa mengambil senjatapi sebelum memulakan tugas;

13. Pergerakan Dan Pengendalian Senjata Api syarikat

13.1 Setiap Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan dan pengawal keselamatan perlu mematuhi peraturan seperti berikut:

- 13.1.1 Senjata api hanyalah dibenarkan penggunaanya di dalam negeri di mana lesen senjata api dikeluarkan sahaja kecuali untuk tugas *cash in transit* (CIT), *valuables in transit* (VIT), pengawal peribadi dan *escort*;
- 13.1.2 Senjata api yang hendak dibawa keluar daripada daerah atau negeri di mana lesen senjata api tersebut dikeluarkan untuk tujuan tugas atau kontrak kerja, syarikat hendaklah memohon kebenaran dari IPD dimana senjata tersebut didaftar dan seterusnya memaklumkan kepada IPD dan IPK di mana daerah atau negeri senjata api itu hendak dibawa mengikut tempoh masa tugas atau kontrak kerja tersebut. Kebenaran ini hanyalah untuk bilangan senjata yang **tidak melebihi tiga (3) laras / pucuk senjata api sahaja**;
- 13.1.3 **Pengawal yang membawa, mengendali dan menggunakan senjata api tidak dibenarkan menaiki kenderaan awam** seperti bas dan LRT melainkan kenderaan syarikat Agensi Persendirian / syarikat kawalan

keselamatan tersebut (berlogo syarikat). Penggunaan kenderaan milik persendirian adalah tertakluk kepada kebenaran PDRM.

- 13.1.4 Pengawal keselamatan bersenjata **mesti berpakaian seragam lengkap sebagaimana garis panduan pakaian seragam pengawal keselamatan yang telah ditetapkan oleh KDN** semasa menggunakan senjata api;
- 13.1.5 Pengawal keselamatan tidak boleh mempamerkan senjata api dan hendaklah berada dalam sarung (*soft case*) sepanjang masa semasa perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja;
- 13.1.6 Pengawal keselamatan hanya boleh membawa senjata api seperti yang tercatat dalam buku permit dan kad senjata sahaja. Buku permit atau kad senjata ini hendaklah dibawa bersama senjata api pada setiap masa;
- 13.1.7 Setiap pengawal keselamatan semasa bertugas hanya boleh membawa peluru **tidak lebih 10 butir untuk pumpgun dan tidak lebih 30 butir untuk pistol;**
- 13.1.8 Pengawal keselamatan tidak dibenarkan sama sekali untuk melepaskan tembakan kecuali untuk mempertahankan nyawanya sendiri, orang awam atau harta benda di bawah kawalannya ketika terancam. **Tembakan amaran adalah tidak dibenarkan sama sekali;**
- 13.1.9 Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan hendaklah menyediakan peralatan lengkap untuk tugas pengawal keselamatan bersenjata seperti *holster*, *pouch* peluru, tali pinggang, *sling* senjata api, *lanyard* bagi pistol dan lain-lain kelengkapan yang difikirkan perlu;
- 13.1.10 Pengawal keselamatan hendaklah memastikan senjata api di dalam keadaan selamat dan baik serta tiada peluru di dalam *chamber* semasa mengeluarkan dan memulangkan senjata api dari bilik kebal senjata;
- 13.1.11 Pengawal keselamatan tidak dibenarkan menghalakan senjata api ke arah sesiapaupun tanpa sebab melainkan untuk tujuan menembak ketika terancam;
- 13.1.12 Pengawal yang membawa dan menggunakan senjata api, hendaklah memastikan jari sentiasa berada di luar pelindung pemetik picu (*trigger guard*) melainkan untuk tujuan menembak sahaja;

- 13.1.13 Pengawal tidak dibenarkan sama sekali bermain dengan senjata api semasa bertugas. [*Senjata api (jenis shotgun) boleh meletup dengan sendiri atas sebab gegaran atau terpetik picu atau terhentak semasa jatuh jika senjata telah dicekik (cocking)*];
- 13.1.14 **Pengawal bersenjata tidak dibenarkan sama sekali menjalankan tugas-tugas selain daripada kawalan bersenjata seperti membantu tugas-tugas kaunter dan sebagainya;**
- 13.1.15 Setiap pengawal keselamatan bersenjata hendaklah ditugaskan bersama dengan tidak kurang daripada seorang pengawal statik dalam apa jua keadaan; dan
- 13.1.16 Pengawal keselamatan yang bertugas tidak dibenarkan menggunakan senjata api jenis pistol kecuali pengawal peribadi, CIT dan CVIT.

14. Penyimpanan Senjata Api Dan Peluru

14.1 Setiap syarikat perlu mematuhi peraturan berikut:-

- 14.1.1 Senjata api dan peluru hendaklah disimpan dengan selamat di dalam kabinet atau peti besi yang bersesuaian dan ditempatkan di dalam bilik kebal yang mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh PDRM seperti di **LAMPIRAN A**.
- 14.1.2 Kunci bilik kebal hanya boleh disimpan oleh penjaga bilik kebal dan pemegang lesen sahaja;
- 14.1.3 Senjata api hendaklah disusun di rak senjata, dirantai dan dikunci semasa berada di dalam bilik kebal manakala peluru pula hendaklah disimpan dan dikunci secara berasingan;
- 14.1.4 Bilik kebal senjata dan peluru adalah kawasan larangan bagi semua peringkat kecuali kepada mereka yang tertentu sahaja atas urusan persenjataan sahaja. Bilik kebal senjata mesti sentiasa berkunci kecuali di atas urusan pengeluaran dan penyerahan senjata api;
- 14.1.5 Sebarang pengeluaran dan penyerahan senjata api hendaklah dilakukan di kaunter khas, di luar pintu bilik kebal senjata;
- 14.1.6 Syarikat kawalan keselamatan hendaklah memastikan setiap senjata api berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan;
- 14.1.7 Senjata api hendaklah disimpan di dalam peti simpan selamat (*safe box*) yang bersesuaian mengikut kuantiti dan jenis senjata yang dimiliki oleh pihak syarikat. Kaedah penyimpanan yang tersusun bagi jenis-jenis senjata api yang tertentu dan dilabelkan mengikut jenis seperti Pumpgun, shotgun, pistol & revolver serta menggunakan rantai atau kabel besi yang diikat pada "*triggerguard*" sebagai ciri keselamatan tambahan.

- 14.1.8 Peti simpan selamat (*safe box*) hendaklah diikat mati pada lantai dan dinding dengan kaedah skru (*Bolt Down*) yang tidak boleh diubah kedudukan *safe box* tersebut.
- 14.1.9 Untuk penyimpanan peluru, syarikat hendaklah sediakan peti simpan selamat (*safe box*) berasingan dengan senjata api yang sesuai dengan kuantiti peluru yang dimiliki oleh pihak syarikat kawalan keselamatan. Peluru hendaklah disusun dan dilabelkan mengikut jenis.
- 14.1.10 Pihak Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan juga perlu menyediakan kabinet yang sesuai untuk menyimpan aksesori dan perkakasan persenjataan untuk tujuan keselamatan dan kekemasan bilik kebal.
- 14.1.11 Senjata api yang disimpan di dalam *safe box* hendaklah berada dalam keadaan selamat, bersih dan disusun rapi mengikut turutan nombor siri senjata api yang telah dilebalkan bagi memudahkan proses pemeriksaan dan penyeliaan.
- 14.1.12 Menyediakan satu buku daftar untuk pergerakan keluar masuk senjata api dan dicatatkan dengan lengkap yang mengandungi maklumat berikut:
- (a) Tarikh (serahan / penerimaan senjata api dan peluru);
 - (b) Masa (serahan / penerimaan senjata api dan peluru);
 - (c) Tandatangan (pegawai senjata yang menyerah senjata api);
 - (d) Nama (petugas bilik kebal senjata api yang menerima serahan senjata api dan peluru); dan
 - (e) Tandatangan (petugas bilik kebal senjata api yang menyerah / menerima serahan senjata api dan peluru, setelah pengesahan terima betul dan butir peluru juga betul).
- 14.1.13 Melakukan pemeriksaan mengejut oleh mana-mana pegawai syarikat untuk memastikan rekod pergerakan senjata api sentiasa lengkap dan tepat;
- 14.1.14 Sebarang kehilangan, kecurian atau salahlaku ke atas senjata api dan peluru hendaklah dilaporkan dengan segera kepada PDRM;
- 14.1.15 Senjata api dan peluru tidak dibenarkan untuk disimpan atau ditumpang di bilik kebal syarikat lain.
- 14.1.16 Penyimpanan senjata api dan peluru di mana-mana Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) dan balai polis adalah tertakluk kepada kelulusan PDRM dan mematuhi syarat penyimpanan senjata dan peluru di IPD dan balai polis yang ditetapkan oleh PDRM.

Pengecualian khas

- 14.1.17 Bagi Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan yang beroperasi di luar daerah atau di luar lokasi bilik kebal senjata api milik syarikat, senjata api hendaklah disimpan di dalam peti simpan selamat (*safebox*) di pejabat cawangan syarikat. Peti simpan selamat (*safebox*) hendaklah diikat mati pada lantai dan dinding konkrit di dalam pejabat cawangan syarikat;
- 14.1.18 Pengecualian di para 14.1.16 hanyalah untuk bilangan senjata yang tidak melebihi tiga (3) laras / pucuk senjata api sahaja;
- 14.1.19 Bagi Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan yang beroperasi melebihi 45 km dari lokasi bilik kebal senjata api milik syarikat, senjata api dibenarkan untuk disimpan di dalam peti simpan selamat (***safebox***) di premis pelanggan (dengan persetujuan pelanggan). Peti simpan selamat (*safebox*) hendaklah diikat mati pada lantai dan dinding konkrit di dalam bilik premis pelanggan yang bersesuaian;
- 14.1.20 Penyediaan *safe box* ini perlulah mendapat persetujuan dari pihak pelanggan syarikat secara bertulis dan kos penyediaan *safe box* ini perlulah ditanggung oleh syarikat kawalan keselamatan itu sendiri;
- 14.1.21 Kunci *safe box* hendaklah dipegang oleh pengawal keselamatan bersenjata yang bertugas di premis tersebut;
- 14.1.22 Pengecualian di para 14.1.18 hanyalah untuk satu laras / pucuk senjata api sahaja; dan
- 14.1.23 Pengecualian khas ini adalah tertakluk kepada kelulusan PDRM.

PEMANTAUAN RAPI KE ATAS SENJATA API MILIK SYARIKAT

- 15. Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan hendaklah memastikan semua aspek keselamatan berhubung pengurusan senjata api milik syarikat hendaklah dipantau secara rapi dan **tanpa gagal**. Semua ahli lembaga pengarah dan juga pemegang lesen senjata api adalah **bertanggungjawab sepenuhnya** terhadap pengeluaran, penyimpanan dan keselamatan pengendalian senjata api.
- 16. Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan hendaklah mewujudkan suatu sistem pemantauan ke atas senjata api milik syarikat sama ada melalui penggunaan teknologi seperti *Radio Frequency Identification* (RFID) dan *inventory management system* atau apa-apa kaedah lain yang boleh **memaksimumkan tahap keselamatan pergerakan dan penyimpanan senjata api**.

17. Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan hendaklah memastikan pelanggan tidak menggunakan perkhidmatan mereka bagi menjalankan aktiviti atau perniagaan yang menyalahi undang-undang.
18. Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan yang menjalankan perkhidmatan pengawal peribadi hendaklah memaklumkan kepada PDRM mengenai **maklumat peribadi dan aktiviti perniagaan pelanggan setiap enam (6) bulan sekali iaitu pada bulan Januari dan Julai setiap tahun atau setiap kali menerima pelanggan baru.**
19. Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan hendaklah membuat **ujian balistik** dengan PDRM bagi setiap senjata api yang dimiliki.

LAPORAN SENJATA API

20. Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan hendaklah mengemukakan laporan mengenai jumlah pengawal bersenjata, bilangan, jenis senjata api yang dimiliki dan maklumat terkini pelanggan pada bulan Jun setiap tahun atau bila-bila masa yang diperlukan kepada KDN dan PDRM.

NAZIRAN KE ATAS SYARIKAT AGENSI PERSENDIRIAN/ SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN

21. Pegawai Polis boleh memeriksa senjata api yang dimiliki dan bilik kebal bagi menentukan ianya berada dalam keadaan baik dan selamat; dan
22. Pegawai KDN yang telah dilantik oleh Menteri Dalam Negeri berdasarkan seksyen 17 (1) Akta Agensi Persendirian 1971 boleh melawat dan memeriksa mana-mana syarikat Agensi Persendirian bagi menentukan Peraturan ini dipatuhi.

PEMATUHAN TERHADAP SYARAT DAN PERATURAN

23. Semua Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan hendaklah mematuhi Peraturan Agensi Persendirian Bilangan 1 Tahun 2017 Berhubung Permohonan Dan Pengendalian Senjata Api Oleh Syarikat Agensi Persendirian Yang Berlesen Di Bawah Akta Agensi Persendirian 1971, Akta Senjata 1960 dan apa-apa syarat atau peraturan yang dikeluarkan oleh KDN, PDRM dan lain-lain Agensi Kerajaan yang berkaitan. Kegagalan syarikat mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan di atas boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 4 (1), Akta Agensi Persendirian 1971.

KUASA-KUASA BERKAITAN

24. Peraturan ini dikeluarkan selaras dengan Seksyen 3(2), Akta Agensi Persendirian 1971 dan Akta Senjata 1960 bagi tujuan mempertingkatkan lagi perkhidmatan kawalan bersenjata dan tahap keselamatan berhubung pengendalian senjata api oleh syarikat Agensi Persendirian / syarikat kawalan keselamatan.

TARIKH KUATKUASA

25. Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 1 Tahun 2017 Berhubung Permohonan Dan Pengendalian Senjata Api Oleh Syarikat Agensi Persendirian Yang Berlesen Di Bawah Akta Agensi Persendirian 1971 (**Pindaan 2018**) ini berkuatkuasa serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMBATALAN

26. Dengan berkuatkuasanya pekeling ini, maka Peraturan Tetap Operasi (PTO) No. 1 Tahun 2010 Berhubung Penggunaan dan Pengendalian Senjata Api Oleh Syarikat Agensi Persendirian Yang Berlesen Di Bawah Akta Agensi Persendirian 1971 dan Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 1 Tahun 2017 Berhubung Garis Panduan Permohonan Dan Pengendalian Senjata Api Oleh Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan Yang Berlesen Di Bawah Akta Agensi Persendirian 1971 yang dikeluarkan sebelum ini adalah terbatal.


(DATO' SERI ALWI BIN HJ. IBRAHIM)
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

Tarikh: 20/12/18

s.k:

Ketua Polis Negara

Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia

Pegawai Turus Pelesenan Ibu Pejabat Kontinjen Polis Negeri

Pegawai Turus Persenjataan Ibu Pejabat Kontinjen Polis Negeri

Persatuan industri Keselamatan Malaysia (PIKM)

LAMPIRAN A

SPESIFIKASI BILIK KEBAL DAN PENYIMPANAN SENJATA API OLEH SYARIKAT AGENSI PERSENDIRIAN / KAWALAN KESELAMATAN YANG BERLESEN DI BAWAH AKTA AGENSI PERSENDIRIAN 1971

Takrif Bilik Kebal Penyimpanan Senjata Api

1. Bilik Kebal tempat penyimpanan senjata api adalah satu ruang atau tempat atau bangunan yang kukuh dan selamat daripada dicerobohi atau dipecah masuk dan juga selamat dari sebarang ancaman dan bencana api serta diperakui oleh PDRM.

Spesifikasi Bilik Kebal

2. Bilik kebal yang hendak dibina oleh syarikat kawalan keselamatan, hendaklah mengikuti spesifikasi minima seperti berikut:

2.1 Dinding

2.1.1 Dinding bilik kebal hendaklah dibina menggunakan konkrit dengan ketebalan minima 9 inci. Sekiranya dibina menggunakan batu-bata, ketebalan yang diperlukan adalah dua lapisan ketebalan batu-bata (*Double Brick*) dan bahagian dalam disokong dengan satu lapisan *Steel Plate* padu dengan ketebalan sekurang-kurangnya 3mm.

2.1.2 Sekiranya bilik kebal yang hendak dibina ditingkat atas bangunan yang mana tidak memungkinkan dibina dinding konkrit atau binaan 2 lapisan dinding batu-bata, dinding bilik kebal tersebut hendaklah dibina dengan ketebalan satu lapisan batu-bata. Walau bagaimanapun di bahagian dalam dinding batu-bata tersebut hendaklah dilapisi *Steel plate* besi yang berketebalan tidak kurang dari 3mm. Lapisan *steel plate* besi tersebut hendaklah dilindungi dengan *plywood* atau kayu yang bersesuaian ketebalannya.

2.2 Pintu

2.2.1 Pintu bilik kebal hendaklah dibuat dengan kerangka besi padu dan dilapisi dengan *Steel Plate* dengan ketebalan tidak kurang 3mm.

2.2.2 Pintu bilik kebal hendaklah dipasang sekurang-kurangnya tiga engsel (atas, tengah dan bawah).

2.3 Jeriji (*grill*)

2.3.1 Pintu bilik kebal juga mestilah dipasang jeriji besi yang diperbuat daripada besi padu yang bergaris pusat tidak kurang dari 18mm;

2.3.2 Susunan jeriji hendaklah secara menegak dengan jarak antara jeriji tidak melebihi 2 inci antara satu sama lain;

- 2.3.3 Besi yang digunakan adalah jenis besi padu (*steel bar*) yang berdiameter tidak kurang 1 inci;
 - 2.3.4 Lokasi di mana jeriji perlu dipasang adalah pintu, lubang udara dan kaunter serah menyerah senjata api; dan
 - 2.3.5 Sekiranya bahagian atas bilik kebal adalah siling biasa, maka wajib dipasang besi padu (saiz 2X2 inci) dan jaring besi di bahagian bawah besi padu tersebut.
- 2.4 Pengudaraan (*ventilation*)
- 2.4.1 Sekurang-kurangnya satu lubang pengudaraan dibuat bagi keseimbangan suhu di dalam bilik kebal untuk keselamatan penjaga bilik kebal, senjata dan peluru; dan
 - 2.4.2 Pemasangan alat penghawa dingin adalah digalakkan bagi memastikan keselesaan petugas dan pengudaraan di dalam bilik kebal berada dalam keadaan baik.
- 2.5 Pendawaian (*wiring*)
- 2.5.1 Pendawaian perlu dibuat secara terlindung dan tertutup (*conduit wiring*).
- 2.6 Lampu hendaklah dipasang jenis *Explosion Proof Lighting (mercury bulb)*. Suis hendaklah dipasang di bahagian luar bilik kebal.
- 2.7 Kaunter keluar / masuk senjata api
- 2.7.1 Lokasi kaunter bergantung kepada kedudukan bilik kebal senjata api mengikut kesesuaian dan keluasan ruangan;
 - 2.7.2 Kaunter hendaklah mempunyai satu lubang / tingkap terbuka berkedudukan melintang;
 - 2.7.3 Perlu dipasang jeriji kukuh sebagai pemisah di antara penyerah dan penerima;
 - 2.7.4 Dipasang "*roller shutter*" atau "*sliding plate window*" dan dipasang *padlock* pada bahagian dalam sebagai penutup keseluruhan apabila tidak digunakan;
 - 2.7.5 Pengawal keselamatan tidak dibenarkan masuk ke dalam bilik kebal. Semua urusan keluar atau masuk senjata api dan peluru hendaklah dibuat melalui kaunter bilik kebal.

2.8 Keselamatan

- 2.8.1 Pemasangan *Closed-Circuit Television* (CCTV) dicadangkan dipasang sekurang-kurangnya dua (2) unit iaitu di pintu masuk bilik kebal dan laluan ke bilik kebal bagi memantau keselamatan di dalam dan di luar bilik kebal;
- 2.8.2 Monitor CCTV tersebut hendaklah direkod dan dipantau 24 jam oleh pihak syarikat kawalan keselamatan;
- 2.8.3 Sistem Penggera Keselamatan hendaklah dipasang sekurang-kurangnya satu unit di bahagian pintu masuk bilik kebal;
- 2.8.4 Bilik kebal hendaklah dikawal 24 jam oleh kakitangan atau pengawal keselamatan syarikat;
- 2.8.5 Pemadam api (*fire extinguisher*) perlu disediakan sekurang-kurangnya 2 unit masing-masing di bahagian luar dan dalam bilik kebal serta diletakkan secara digantung di tepi dinding. Pemadam api (*fire extinguisher*) juga perlu dipastikan tidak tamat tempoh;
- 2.8.6 Pengesan asap (*Smoke Detector*) atau *water sprinkler* hendaklah dipasang sekurang-kurangnya satu unit di bahagian dalam bilik kebal bagi pengesanan awal sekiranya berlaku kebakaran di dalam bilik kebal;
- 2.8.7 Tempat kosongkan senjata hendaklah disediakan di bahagian luar kaunter serahan senjata api. Perlu disediakan papan tanda amaran yang mengandungi perkara-perkara seperti berikut:
 - (a) Awas tempat mengisi dan mengosongkan senjata api
 - (b) Pastikan senjata api selamat sebelum serahan
 - (c) Kaunter senjata api, utamakan keselamatan
 - (d) Dilarang masuk tanpa urusan
 - (e) Dilarang merokok
 - (f) Ruang / tempat mengosongkan senjata api
 - (g) Alat bantuan kecemasan